

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

Bil: (41) dlm. JK/MA 16 Jld. (II)

Tarikh: 30hb Oktober, 1992.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi.

Semua Majistret, Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak.

Semua Pendaftar, Mahkamah Sesyen.

Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR NO. 4 TAHUN 1992.
Persidangan Tahunan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya.

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa satu Persidangan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya 1992 akan diadakan dari 23hb hingga 25hb November, 1992 di Pulau Langkawi, Kedah Darulaman.


2. Berikutnya, saya telah diarah oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa semua kes yang dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya dan telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 23hb, 24hb dan 25hb November, 1992 bolehlah ditangguhkan di atas permohonan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya berkenaan kepada tarikh lain yang sesuai.

3. Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Y.A. Hakim masing-masing.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(MUHAMAD IDERES BIN MUHAMAD RAFEE)
b.p. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.

s.k. Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.